



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK:700-7/3/3 Jld. 9 (65)
Tarikh : 3 November 2021

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan,

PELANTIKAN SYARIKAT PENYEDIA PERKHIDMATAN SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN AUTOMATIK (SPKA) BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman Tuan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melantik Syarikat iScada Net Sdn. Bhd. sebagai penyedia perkhidmatan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) bagi tempoh **tiga (3) tahun** bermula dari **25 Oktober 2021 sehingga 24 Oktober 2024**.

3. Sehubungan dengan itu, dalam memastikan SPKA dapat dilaksanakan secara teratur dan mematuhi keperluan Undang-Undang, mohon kerjasama pihak Tuan untuk mematuhi ketetapan seperti berikut :

3.1 Bagi pemasangan baharu, permohonan pemasangan SPKA hendaklah melalui penyedia perkhidmatan yang dilantik bagi bangunan yang perlu disediakan sepertimana termaktub di dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 atau Sarawak Building Ordinance (SBO) 1994.

3.2 Bagi bangunan yang telah dipasang SPKA, sistem hendaklah diaktifkan semula dan dipastikan ianya berfungsi dengan baik.

4. Kerjasama dan perhatian pihak Tuan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI Ts. MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

“CEPAT DAN MESRA”

